

Soalan 1 hingga 25

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong.

1. "_____ akan mengiringi Tuanku Permaisuri yang akan mencernar duli ke Kampung Mantin bagi menziarahi sekumpulan ibu tunggal di sana," kata ketua dayang kepada Sultan.
A Beta
B Patik
C Tuanku
D Hamba
2. "_____ perlu mematuhi SOP yang tidak membenarkan pelawat masuk ke dalam kawasan wad," kata ketua jururawat itu kepada Badrul.
A Kita
B Kamu
C Kalian
D Engkau
3. "_____ sudah menasihati kamu supaya tidak menunggang basikal yang rosak breknya itu tetapi kamu masih berdegil," kata Nathan kepada Sim Meng.
A Kita
B Kami
C Daku
D Saya

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Jalan kampung yang _____ itu akan dinaiktarafkan oleh Jabatan Kerja Raya tidak lama lagi.
A kecil
B lama
C buruk
D sempit
5. Walaupun _____, namun buah peria dapat dijadikan penawar penyakit darah tinggi.
A pahit
B tawar
C payau
D masam